

## Rampasan kuasa di Straits Times

Oleh Zainuddin Maidin

SAYA telah mengesyaki ada pihak lain di belakang suatu rancangan yang dikemukakan kepada National Union Of Journalist Malaysia Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) untuk digerakan ke peringkat tertinggi.

Bagaimanapun oleh kerana cadangan itu bagi kepentingan nasional maka sebagai Presiden NUI saya terus bersetuju untuk dibincang dan dijadikan satu keputusan dalam Mesyuarat Agung NUI pada 25 September 1971.



Tun Razak tiba di Dewan Tunku Abdul Rahman (kini Saloma Bistrot) untuk menghadiri majlis Press Night diiringi penulis sebagai presiden NUI. 1972

Saya juga dapat menghidu ada tangan lain yang membantu menyegerakan pertemuan NUI dengan Perdana Menteri Tun Abdul Razak untuk menyampaikan keputusan itu dalam sebuah memorandum yang mendesak supaya di Malaysianisakan Straits Times Group. Permohonan kami untuk pertemuan itu sebelumnya tidak diberikan perhatian.

Setelah menunggu sekian lama tiba-tiba pada satu hari Setiausaha Agung NUI, Ho Sai Kong memberitahu saya Tun Abdul Razak bersetuju menemui NUI pada 5 Februari 1972. Sebelum pertemuan itu kami diberitahu oleh Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Abdullah Majid bahawa kami hanya diberikan masa selama lima minit sahaja dan tidak boleh ditulis sebarang berita mengenainya.

Mewakili NUI dalam pertemuan dengan Tun Abdul Razak itu ialah saya sebagai Presidennya (dari Utusan Melayu), Naib Presiden Philip Mathews (Straits Times), Setiausaha Agung, Ho Sai Kong (Straits Times) dan Ahli jawatankuasa, C. C Liew (Sin Chew).

Memorandum yang kami sampaikan itu bertajuk The Expatriates in The Malaysian Press an Iquiry by The National Union Of Journalists Malaysia.

Memorandum itu bertarikh 17 Januari 1972 memaklumkan, daripada 13 akhbar utama di Malaysia pada masa itu, hanya Straits Times dan Nanyang Siang Pau sahaja yang mempunyai pegawai dagang tetapi yang paling banyak ialah di Straits Times iaitu 22 orang, sejumlah besarnya rakyat Singapura dan beberapa orang dari Sri Lanka. Bagi jawatan penting dengan kuasa tertinggi dalam pengurusan dan jabatan pengarang pula dipegang oleh orang Eropah yang berpusat di Singapura.

Di akhbar Nanyang Siang Pau hanya terdapat seorang sahaja rakyat Singapura tetapi di Straits Times kecuali seorang pemberita Malay Mail, semua jawatan tinggi bermula daripada pemberita kanan ke atas dipegang oleh pegawai dagang.

Walaupun Straits Times Press beribu pejabat di Kuala Lumpur tetapi pembayaran gaji, tambahan masa kerja, elaun kenderaan dan lain-lain tuntutan kakitangan Malaysia diurus dan diselesaikan oleh pejabatnya di Singapura. Malah untuk membeli mesin taip bagi pemberita pun mesti dirujuk kepada Singapura.

Keadaan ini tidak begitu diberikan perhatian sehinggalah perpisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965. Ia kerana sebelum itu rakyat Singapura tidak dianggap sebagai pegawai dagang sekalipun akhbar ini telah mengisytiharkan untuk Malaysianise jabatan pengarangnya selaras dengan kedudukannya sebagai akhbar nasional.

Hanya pada Mac 1970 apabila ramai pegawai dagang Singapura meninggalkan Straits Times di Kuala Lumpur untuk bekerja dengan sebuah akhbar baru di Singapura iaitu Singapore Herald maka barulah keadaan menjadi runcing.

Tetapi pengurusan yang dikendalikan oleh orang Eropah di Singapura tidak juga mengambil berat untuk melatih kakitangan tempatan bagi mengambilalih tugas pegawai-pegawai asing ini. Sebaliknya mereka mengambil rakyat Sri Lanka dan menghantar rakyat Singapura kembali ke Singapura untuk mengendalikan akhbar ini dari negara itu bagi menjimatkan perbelanjaan.

Pengambilan kakitangan untuk Kuala Lumpur juga di bawah kuasa Pengurus Jabatan Pengarang Singapura, Wee Kim Wee (mendiang) seorang rakyat Singapura (beliau kemudiannya menjadi Presiden Singapura). Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan tempatan jabatan pengarang yang mendorong mereka mengambil tindakan perusahaan dengan melancarkan Kerja Perlahan (Go-Slow).

Bagaimanapun, Pengarah Urusan Straits Times seorang Australia, A.C. Simmons mengambil sikap tidak endah kerana percaya akan dapat mematahkan tindakan itu yang diharamkan oleh kerajaan berikutan dengan penguatkuasaan undang-undang darurat selepas peristiwa 13 Mei.

Sementara itu anggota jabatan pengarang daripada rakyat Malaysia yang berkaliber meninggalkan Straits Times kerana tidak dapat melihat masa depan mereka di akhbar ini di samping ramai pula yang menyertai akhbar The Star yang dilancarkan di Pulau Pinang.

Di antara yang terserlah keupayaan mereka setelah meninggalkan Straits Times ialah Rejal Arbee yang menjadi wakil Bernama di Jakarta, Brian Gomez menjadi Ketua Operasi Berita AP Kuala Lumpur dan Singapura, K. Sugumaran menjadi Pengarang Berita The Star dan Joshua Khoo Kay Peng penyunting di The Star.

The Star memulakan operasi di Pulau Pinang dengan pengurusan dan jabatan pengarang dijalankan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dengan sebahagian adalah daripada bekas kakitangan Straits Times.

Lebih 35 orang telah meninggalkan Straits Times sejak tahun 1968 tetapi terus tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk melatih dan memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk mengambil alih Straits Times sekalipun Malaysia telah merdeka lebih 10 tahun.

Di Singapura terdapat usaha untuk memberikan identiti Singapura kepada akhbar Straits Times, tetapi edisi Malaysia tetap memberikan wajah asing malah rencana pengarangnya masih ditulis oleh pegawai asing. Memorandum kami memberikan analisis dan fakta secara terperinci kepada Tun Abdul Razak mengenai kedudukan pegawai-pegawai asing dalam jabatan Jabatan Pengarang Straits Times, komposisi kaum dan juga tugas setiap orang.

Dalam memorandum itu, NUJ menegaskan Ketika negara berada pada tahap pembinaan, anak Malaysia yang paling wajar dilatih mengambilalih tugas pimpinan daripada pegawai dagang secepat mungkin terutama dalam media massa yang sangat mudah terdedah kepada pengaruh keperibadian luar. Adalah sangat tidak adil dan tidak sihat untuk menjemput bukan rakyat mengambil tanggungjawab ini.

Apabila draf memorandum itu di kemukakan kepada mesyuarat jawatankuasa NUJ untuk dibincangkan saya agak hairan bagaimana Ho Sai Kong boleh mendapat maklumat dalaman yang begitu lengkap. Saya mengesyaki tentu ada orang yang membantunya. Sangkaan saya itu tepat apabila membaca prakata oleh Cheah Boon Keng dalam buku yang disuntingnya A. Samad Ismail Journalism and Politics yang diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Boon Keng adalah penulis rencana ketika Samad berkhidmat dengan Straits Times.

### Merancang

Cheah menulis A. Samad Ismail yang merancang langkah yang membawa kepada Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh mengarahkan syarikat memindahkan milik seluruh operasi Malaysia ke tangan orang Malaysia.

Berikutan dengan itu lahirlah New Straits Times dan dengan itu putuslah pertaliannya dengan syarikat induknya di Singapura yang terletak di bawah Pengarah Urusan A.C. Simmons.

Cheah Boon Keng menulis Saya ingat bagaimana A. Samad Ismail mengambil kesempatan yang terbuka daripada tindakan perusahaan Kerja Perlahan anggota jabatan pengarang The Straits Times di Kuala Lumpur.

Pengurusan akhbar yang dikuasai oleh orang Eropah dari Singapura ini mengambil sikap tidak endah dan memikirkan mereka dapat mematahkan perjuangan para wartawan dengan menghalang dan meminta campur tangan orang tengah dari Jabatan Buruh.

Tindakan Kerja Perlahan pada masa itu adalah haram kerana Malaysia masih berada di bawah undang undang darurat berikutan dengan kejadian 13 Mei 1969.

Sokongan daripada A. Samad Ismail telah diminta oleh kedua-dua pihak kerana ketika itu beliau memangku jawatan Ketua Pengarang kerana Lee Siew Yee bercuti di London. Tetapi

simpati Samad adalah dengan para wartawan yang telah mendapat sokongan dari Kesatuan Pekerja Cetak. (sebenarnya National Union of News Papers Workers Malaysia NUNW- Zam)

Dengan sekali tindakan berani, Samad menggerakkan inisiatifnya sendiri menerusi hubungannya dengan Tun Abdul Razak dan sebelum pihak pengurusan mengetahui apa yang menimpa mereka, syarikat telah dipaksa kepada Malaysianization.

Simmons menyerah kalah, saham syarikat dijual kepada kakitangan tempatan, syarikat disusun semula dengan lebih ramai rakyat Malaysia dalam jabatan pengarang dan memegang kedudukan pengurusan dan seluruh anggota lembaga pengarahnya terdiri daripada rakyat Malaysia.

A. Samad Ismail telah menjayakan suatu Coup d'état dalam The Straits Times dan untuk itu pengiktirafan yang kecil diberikan kepadanya. Perubahan mendadak berlaku dalam Straits Times tidak lama selepas kami menyampaikan memorandum kepada Tun Razak.

Sangkaan saya tentang adanya tangan tersembunyi yang membolehkan kami menyampaikan memorandum NUJ yang telah terpendam sekian lama kepada Tun Razak ternyata benar apabila saya membaca tulisan Cheah Boon Keng ini.

Beberapa tahun kemudiannya saya telah bertanya dengan Ho Sai Kong yang menjadi anak emas kepada Samad, apakah kita telah diperalatkan oleh Samad, Sai Kong memberitahu saya, Samad berada di belakang layar dan memberikan semangat kepada kita.

Beliaulah yang orchestrated tindakan kita dan memanipulasikan kita, katanya.

Menurut Naib Presiden NUJ, Philip Mathews beliaulah yang menjadi perantara antara Samad Ismail dengan Kesatuan Pekerja-pekerja Akhbar Malaysia (NUNW) untuk mendapatkan sokongan kesatuan ini bagi tindakan Kerja Perlahan kerana tanpa sokongan mereka tindakan itu tidak akan berkesan.

Menurut Sai Kong, pertemuan kami dengan Tun Razak telah diatitkan oleh Pak Samad dan tentunya menerusi kawan rapatnya, Abdullah Majid iaitu Setiausaha Akhbar Perdana Menteri dan Tun Razak telah pun tahu segala-galanya apa yang sedang berlaku dalam Straits Times ketika kami menemuinya.

Abdullah Majid telah meminta kami supaya tidak menulis berita mengenai pertemuan itu tetapi saya tidak memperdulikannya dan berita pertemuan itu disiarkan oleh Utusan Malaysia.

Ketika Tun Abdul Razak tidak ada lagi, Samad telah ditahan sekali lagi di bawah ISA pada tahun 1976 dengan menjadikan latar belakang sejarah silamnya sebagai seorang komunis sebagai alasan.

Siapa juga yang membaca buku The Singapore Story Memoirs of Lee Kuan Yew dapat merasakan pehanan Samad Ismail itu adalah hasil konspirasi Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew dengan kerajaan Malaysia.

Lee Kuan Yew sangat takut hubungan rapat Samad Ismail dengan Tun Razak yang mungkin akan mempengaruhi dasar kerajaan Malaysia terhadap Singapura.

Hal ini sangat jelas dalam memoir Lee Kuan Yew *From The Third World To First (The Singapore Story 1965-2000)* di muka surat 271:

Selepas beberapa minggu Allahyarham Tun Abdul Razak dikebumikan, beliau (Tun Hussein Onn) melawat Singapura dan menyatakan mahu memperbaiki hubungan peribadi yang lebih baik dan mampu berbincang dan menyelesaikan masalah bilateral. Kami telah mengadakan perbincangan empat mata. Saya memberitahu beliau tentang kebimbangan komunis Melayu dan simpati mereka semakin bertambah di kalangan media, pemimpin pelajar yang radikal dan pemimpin kesatuan sekerja.

Kami berbincang dengan bebas dan terbuka mengenai komunis Melayu di dalam media termasuk aktiviti yang dilakukan Samad Ismail yang juga ahli MCP ketika zamannya di Singapura pada 1950-an dan kumpulannya. Ketika Tun Razak menjadi Perdana Menteri, Samad telah berusaha memainkan peranan dalam UMNO dan menjadi seorang yang berpengaruh dalam *New Straits Times* dan *Berita Harian* dan menarik penyokongnya sendiri. Hussein mengakui langkah ini adalah merbahaya namun memberitahu ahli komunis dan pelajar yang radikal ini tidak boleh ditangkap kerana ia boleh menimbulkan kemarahan orang Melayu.

Kemudian pada Jun 1976 ISD telah menangkap orang kanan Samad di Singapura, Hussein Jahidin yang juga editor di *Berita Harian*. Hussein telah mengaitkan Samad dan beberapa wartawan Melayu di Kuala Lumpur sebagai pro-komunis.

Polis Cawangan Khas Malaysia telah menahan Samad dan kumpulan wartawan Kuala Lumpur. Hussein Onn mempunyai keberanian untuk menangkap mereka yang pro-komunis yang menjalankan tugas perisikan walaupun tahu ia akan mengakibatkan beliau kehilangan sokongan.

Boon Keng menulis, Berikutan episod penangkapan Samad Ismail pada 1976, ia telah menimbulkan perasaan malu dan sengsara kepada ahli keluarganya, sahabatnya dan rakan-rakan medianya.

Ramai yang masih memegang jawatan tertinggi dalam syarikat tersebut perlu berterima kasih kepada Samad Said kerana membawa perubahan .

Minggu depan: Inilah sakit yang indah.